

PENGHIJRAHAN MASUK BURUH - BURUH  
DARI LUAR PULAU PINANG KE KAWASAN  
PERINDUSTRIAN DI ZON PERDAGANGAN BEBAS  
BAYAN LEPAS, 1977.

oleh:

OMAR MOHD. NOORDIN (2968)  
GEOGRAFI TAHUN AKHIR (1977/1978)

April 1978.

## K A N D U N G A N

Muka Surat

Penghargaan .....	(iv)
1. Pendahuluan .....	1
2. Kawasan Kajian dan Cabutan (Sampling Procedure) .....	3
3. Sifat-sifat Penghijrah (Characteristics of Migrants) .....	6
4. Sifat-sifat Sebelum Berhijrah .....	12
5. Sebab-sebab Berhijrah .....	15
6. Penutup .....	17
Rujukan .....	19

## S E N A R A I J A D U A L

1. Bilangan Pekerja-Pekerja Kilang Terpilih	4
2. Umur Penghijrah Terpilih .....	6
3. Taburan Penghijrah Mengikut Umur .....	7
4. Komposisi Umur/Jentina .....	7
5. Ethnicity Penghijrah .....	9
6. Umur dan Ethnicity .....	8
7. Taraf Pencapaian Pelajaran .....	9
8. Taraf Pekerjaan Sekarang .....	10
9. Taburan Penghijrah Mengikut Negeri Asal .....	12
10. Jentina dan Bilangan Pergerakan .....	13
11. Ethnicity dan Bilangan Pergerakan .....	13

S E N A R A I P E T A

Muka Surat

- |    |  |       |
|----|--|-------|
| 1. | Kawasan Kajian Perindustrian<br>(Pulau Pinang) - 1977 .....              | 3(a)  |
| 2. | Perletakan Industri di Zon Perdagangan Bebas<br>Bayan Lepas - 1977 ..... | 3(b)  |
| 3. | Aliran Penghijrahan Ke Pulau Pinang 1977 .....                           | 12(a) |

PENGHARGAAN

Saya berasa terhutang budi kepada sebilangan besar orang-orang yang telah memberi bantuan kepada saya dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan ini saya tujuarkan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dr. J.S. Sidhu, pehak Pentadbir USM, pensyarah-pensyarah Ilmu Alam dan kepada Encik Ahmad bin Endut atas kerjasama mereka memberi bantuan dari segi kewangan dan tenaga untuk melaksanakan kajian serta lapuran ini.

Kami, penuntut-penuntut tahun Tiga Ilmu Alam juga berterima kasih kepada Pengurus-pengurus, dan pekerja-pekerja kilang-kilang Eastern Garments, Atlas Letroniks, Woodward, Mostek, Intel, Jas dan Nasional Semiconductors yang telah memberi kerjasama serta melopangkan masa mereka untuk ditemuduga oleh ahli-ahli kumpulan kami.

Akhir sekali saya ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada Dr. Mahindar Santokh, pensyarah yang telah bersusah-payah tanpa mengenal penat-lelah dalam memberi bimbingan dan apa saja bantuan yang telah kami perlukan sejak awal hingga ke akhir kajian ini. Tanpa bantuan dan pertolongan beliau, harapkan untuk melaksanakan projek ini adalah tipis sekali. Beliau telah memberi bantuan dalam menyediakan, menyemak, dan menulis semula 'soal-solidi' (questionnaires), membuat hubungan dengan pengurus-pengurus kilang untuk mendapat kebenaran menemuduga pekerja-pekerja dan akhir sekali telah memproseskan data-data dengan menggunakan alat 'computer'. Kepada beliau kami sangat-sangat terhutang budi.

OMAR BIN MOHD. NORDIN

## 1. PENDAHULUAN

Perpindahan atau penghijrahan adalah satu tajuk yang tidak asing lagi bagi kita dewasa ini. Manusia sering bergerak dan berpindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk memenuhi kehendak nafuri mereka. Keadaan seperti ini terdapat di merata-merata baik di negara-negara maju maupun di negara-negara yang kurang maju. Keadaan ruang adalah berbeda-beda dan kehendak serta kebolehan manusia juga adalah berbeda-beda. Keadaan-keadaan seperti ini, iaitu apa yang dikatakan faktor-faktor 'tolakan' (push) dan tarikan (pull) dari segi ekonomi dan sosial telah mendorongkan manusia berpindah dari tempat ke tempat.

Secara ringkas, penghijrahan boleh di-definisikan sebagai pergerakan manusia dari kawasan asal (origin) ke tempat yang dituju (destination) dalam satu jangkamasa yang tertentu dan berkait dengan perubahan tempat tinggal melewati sempadan-sempadan politikal (Political boundaries) samada di dalam atau di luar negeri.

Ramai ahli-ahli Geografi, Ekonomi dan Sosiologi telah menulis mengenai penghijrahan dari sudut-sudut yang berbeda. Everett S. Lee misalnya telah menulis mengenai 'Teori Perpindahan' (A Theory of Migration). Simpang pula telah membuat kajian dan penulisan mengenai kesan-kesan penghijrahan ke atas orang-orang yang berhijrah, kawasan asal (origin) dan kawasan yang dituju (destination). Contoh-contoh penulisan mengenai penghijrahan di negara-negara seperti di Amerika Latin dan di Afrika memang banyak sekali. Antaranya termasuk penulisan-penulisan oleh Pamela H. Briggs, (Migration to Urban Areas), Ian Masser, Inter-regional Migration in Tropical Africa dan lain-lain.

Di Malaysia juga, kajian-kajian seperti ini telah banyak dibuat, antaranya termasuklah, 'Potential Migration Study for the Johor Tenggara Region' oleh beberapa orang 'consultant' kepada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara seperti Paul F. Kaplan, Zia Haq, Suresh Narayanan dan John Taylor dalam tahun 1977 (Januari), Selvaratnam, Migration, Regional Development and Employment in Peninsular Malaysia, dan R.J. Pryor, News of Migration? - The Experience of Malaysia and Other Countries, dan Spatial Analysis of Internal Migration West Malaysia.

Sehingga ini, pada pengetahuan saya kajian mengenai Tongkijuan di Kawasan Perindustrian di Bayan Lepas yang telah membawa kepada komasukan beribu-ribu pekerja dari luar Pulau Pinang belum lagi dibuat dengan secara teliti. Maka dengan itu kami pelajar-pelajar Ilmu Adab dari USM telah mencuba seberapa daya kami untuk mendapatkan butir-butir dan maklumat menerusi temuduga kami dengan pekerja-pekerja (dari luar Pulau Pinang) di beberapa buah kilang dan di rumah-rumah mereka di kawasan Bayan Lepas ini.

\*\*\*\*\*

### 1.1. Bentuk Kajian dan Susunan Lapuran:

Tujuan kajian ini ialah untuk menemuduga pekerja-pekerja kilang yang telah bermigrasi masuk ke Pulau Pinang untuk berkerja di Kawasan Perindustrian di Bayan Lepas. Dalam hal ini tidak terdapat sebarang apa pun data-data benci yang lepas untuk membantu kami sebab sebelum ini belum ada kajian yang telah dibuat. Dengan ini data yang kami perolehi adalah data-data asas (primary data).

Antara perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam lapuran ini termasuklah sifat-sifat Penghijrah seperti jantina, umur, ras(ethnicity), taraf perkahwinan, ciri-ciri origin dan destinasi dan juga sebab-sebab berlakunya perpindahan. Ini akan dibentangkan dalam bahagian-bahagian seterusnya.

Dalam kajian ini, kami juga telah membentuk sah 'hypothesis' yang menunjukkan pertalian antara kedua-dua angkubah Perindustrian dan Penghijrahan. Perindustrian adalah angkubah bebas (Independent variable) manakala Penghijrahan pula ialah angkubah bergantung (dependent variable). Pertalian menunjukkan bahawa 'Perindustrian dikawasan FTZ Bayan Lepas telah menyebabkan berlakunya penghijrahan masuk pekerja-pekerja dari luar negeri Pulau Pinang.'

Bukanlah tujuan kajian ini untuk membuktikan samada 'hypothesis' ini dapat diterima atau ditolak tetapi sekadar mencari dan mengesan sifat-sifat yang terdapat pada kedua-dua angkubah ini yang telah menyebabkan berlakunya penghijrahan tersebut. Ini adalah kerana kajian yang dibuat hanya ditujukan kepada mereka yang telah berpindah masuk ke Pulau Pinang dan tidak kepada potensi-potensi penghijrah (potential migrants) secara umum.

Dengan ini kajian ini mempunyai bidang (scope) yang agak terhad. Disebabkan kami juga bukan ahli dalam bidang kajian dan penulisan, sudah tentu akan terdapat banyak kelemahan-kelemahan. Dari itu kami juga berharap agar kelemahan dan kesalahan yang terdapat ini akan dapat dibaiki oleh mereka yang akan meneruskan kajian ini sehingga tercapai sah matlamat dan hasil yang memuaskan.


2. Kawasan Kajian dan Cabutan (Sampling Procedure).

2.1 Kawasan Kajian:

Tujuan sebenar kajian ini ialah untuk mengkaji kesemua kilang-kilang yang terdapat dikawasan "Zon Perdagangan Bebas" (Free Trade Zone) di Bayan Lepas. Seperti mama-mana projek yang dijalankan, kami juga telah menghadapi beberapa masalah dalam mendapatkan kerjasama dari pihak-pihak pengurus kilang-kilang yang ingin kami kajikan itu. Dari 25 buah kilang yang terdapat dikawasan ini, kami cuma berjaya mendapatkan kebenaran untuk menemuduga pekerja-pekerja hanya ditujuh buah kilang seperti yang telah disebutkan di-bahagian awal (Penghargaan) lapuran ini.


Kawasan "Zon Perdagangan Bebas di Bayan Lepas ini terbentuk dalam tiga peringkat. Tetapi pengurus-pengurus kilang yang telah memberikan kerjasama mereka kepada kami hanya tertakluk didalam peringkat-peringkat ke2 dan ke3 sahaja. Manakala bagi peringkat pertama, tidak satu pun yang telah meluluskan permohonan kami. Walau bagaimanapun, kami berharap ahli-ahli kajian maen depan dapat berusaha untuk mendapatkan kerjasama sepenuhnya dari kesemua pengurus-pengurus kilang yang ada. Kami juga berharap pihak Suruhanjaya Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan memberi kerjasama mereka dalam menguruskan hal ini. Bersama ini juga dilampirkan ~~zatu~~<sup>1 dan 2</sup> gambarajah bagi perletakan kawasan dan kilang-kilang yang telah kami kajikan:

G. Rajah 1 KAWASAN KAJIAN PERINDUSTRIAN (PULAU PINANG) 1977



G. Rajah 2

PERLETAKAN INDUSTRI DI ZON PERDAGANGAN BEBAS  
BAYAN LEPAS 1977



## 2.2. Kaedah Cabutan (Sampling Procedures) & Masalah-Masalah.

Secara kebetulan, oleh kerana hanya tujuh buah kilang sahaja yang ada memberi kebenaran untuk kami menjalankan kaedah, maka secara tidak langsung ketujuh-tujuh buah kilang ini adalah mewujudkan satu cabutan sumpang di kilang yang terdapat.

Dari kilang-kilang ini pula, hanya pokok-pokoknya dari Luar negeri Pulau Pinang sahaja yang dipilih. Maka bagaimanapun, ingin raya jalur dan bahawa dalam pengenalan data selanjutnya terdapat 3 kes yang berasal dari Pulau Pinang. Ini adalah satu kesalahan yang mungkin dapat dinasihati.

Pilihan yang dibuat keatas pekerja-pekerja yang khususnya dari Luar negeri Pulau Pinang ini adalah disebabkan oleh maklumat tentang ciri-ciri yang terkandong hanya dalam ahli-ahli yang berhijrah masuk (<sup>Siapa</sup> imigran) ke Pulau Pinang - bagi mendapatkan ciri-ciri sosial dan ekonomik yang telah mendorongkan mereka berhijrah. Jadual dibawah menampakkan jumlah besar pekerja-pekerja kilang yang telah kami temui juga.

Jadual 1: Bilangan Pekerja-Pekerja Kilang Terpilih:

KILANG	Peringkat	Bilangan Cabutan	Peratus (%)
EASTERN GARMENTS	3	56	16
ATLAS LETRONICS	2	44	13
MOSTEK	3	32	9
WOODARD	3	31	9
INTEL	3	64	18
JASI	2	31	9
NATIONAL SEMICONDUCTOR	2	34	10
JUMLAH	-	352	100%

Jadual menunuukkan sejumlah besar 352 pekerja-pekerja kilang yang telah ditemuduga. Bilangan yang terbesar sekali ialah dari Nasional Semiconductor (94 orang) iaitu 27% dari jumlah cabutan. Ini adalah disebabkan kami tidak diberi kebenaran oleh pihak berkuasa N.S. untuk pergi ke tempat tinggal mereka untuk ditemuduga. Bagi kilang-kilang lainnya, terduga dibentuk di kilang itu sendiri dalam masa bekerja. Ini telah menyumbulkan beberapa masalah yang tidak dapat kami elakkan.

Bilangan yang ditemudugai ditiap-tiap kilang itu juga tidaklah mencakupkan kesemua pekerja-pekerja dari luar Pulau Pinang. Tanya sebahagian cuba jadi bilangan sepenuhnya tidak dapat dianggarkan.

Selain dari masalah yang dihadapi demi pihak pengurus (personnel managers) terdapat juga masalah yang timbul dari pekerja-pekerja itu sendiri. Bagi kilang-kilang dimana pengurus sendiri mengantarkan pekerja-pekerja untuk ditemudugai, masalah ini tidak timbul. Tetapi bagi kilang-kilang dimana pekerja-pekerjanya ditarahkan supaya berjumpa dengan kami secara saksama, pekerja-pekerja ini sama-sekali enggan datang untuk ditemudugai. Kami terpaksa memunggu dan sudah tentu merugikan naseh, tetapi jumlah yang dapat ditemudugai itu tidaklah seperti yang diharapkan.

Patut juga diingat bahawa pekerja-pekerja yang berjumlah 352 orang itu adalah terdiri dari Jantina, ras, umur dan juga taraf pekerjaan yang berbeza. Ada yang bertugas sebagai pengurus, pengurus pekerja (personnel managers), Engineers, Pegawai-pegawai Teknik, kakitangan pejabat seperti kerani, jurutera, setiausaha, jurusawat, pengelola penceluaran (production supervisors), penyayi keselamatan, pekerja-pekerja kilang (production operators), tukang kebun dan lain-lain. Ini meliputi segenap peringkat pekerja tetapi seperti apa yang dapat dilihat dalam pengenalisaan seterusnya, bilangan yang terbesar sekali adalah terdiri dari pekerja-pekerja biasa kilang (production operators) atau buruh-buruh pengeluaran.

### 3. Sifat-sifat Penghijrah: (Characteristics of Migrants).

Seperti yang telah dijelaskan sifat-sifat penghijrahan yang terkandung dalam kajian ini termasuklah: jantina, umur, ras (ethnicity), taraf perkahwinan, taraf pelajaran dan pekerjaan sebelum berpindah.

#### 3.1. Jantina:

Dari jumlah 352 pekerja yang ditemudugai, 59 (17%) adalah lelaki manakala 293 (83%) adalah perempuan. Ternyata sekali bahawa penghijrahan buruh ke-kawasan perindustrian ini kebanyakannya terdiri dari golongan perempuan. Dengan ini jawapan kepada soalan 'siapa yang berhijrah?' itu adalah ternyata. Ini memberi implikasi bahawa buruh-buruh yang diterima berkerja di-kilang-kilang adalah kebanyakannya perempuan.

Pada amnya adalah diandaikan bahawa penghijrahan selalunya dibuat oleh golongan lelaki. Tetapi ini adalah satu keadaan yang berbeza dimana terdapat sebilangan besar penghijrah-penghikrah itu terdiri dari golongan perempuan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh jenis pekerjaan yang terdapat dikilang-kilang ini, dimana tenaga yang diperlukan adalah lebih sesuai untuk gadis-gadis. Dengan itu keadaan penghijrah adalah <sup>berbeza</sup> dari apa yang terdapat pada penghijrahan ke Rancangan Tanah di Pahang Tenggara <sup>1</sup> (Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1977).

#### 3.2. Umur (Age).

Dari segi umur, 292 (83%) dari 352 cabutan itu berada dalam lingkungan umur antara 16 hingga 25 tahun. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan penghijrah adalah tergolong dari gadis-gadis yang muda.

Jadual 3.1: Umur Penghijrah Terpilih

Umur	Frequency	Peratus	Peratus Bertambah
16 - 20	140	40	40
21 - 25	152	43	83
26 - 30	44	13	96
31 - 35	11	3	99
36 lebih	4	1	100
	352	100	/

Dari data asas yang diproseskan, bilangan yang terbesar sekali adalah dalam lingkungan umur 19 tahun - 35 tahun (90%). Hanya terdapat 2 kes dalam lingkungan umur 16 tahun dan 9 kes dalam lingkungan 17 tahun (seperti dalam jadual 3.2):

Jadual 3.2: Taburan Penghijrah mengikut Umur.

Umur	Freq.	%	Jum %	Umur	Freq.	%	Jum %
16	2	1	1	25	17	5	83
17	9	3	3	26	14	4	87
18	28	8	11	27	11	3	90
19	46	13	24	28	9	3	93
20	55	16	40	29	4	1	94
21	47	13	53	30	6	2	96
22	28	8	61	31 lebih	15	4	100
23	30	9	70	-	352	-	-
24	30	9	78	-	-	-	-

Dari jadual 3.2 terdapat bilangan yang besar bagi jangka umur dari 18 hingga 27 tahun - iaitu 306 atau 86.9%.

Jika dibuat Perbandingan umur dan Jantina pula terdapat keadaan seperti dalam jadual 3.3 pula t

Jadual 3.3 Komposisi Umur/Jantina

Age/Sex	Lelaki	%	Jum %	Perempuan	%	Jum %
16 - 20	7	11.9	11.9	133	45.4	45.4
21 - 25	23	38.9	50.8	129	44.0	89.4
26 - 30	20	33.9	84.7	24	8.3	97.6
31 - 35	6	10.2	94.9	5	1.7	92.3
36 lebih	3	5.1	100.0	2	0.7	100.0
	59	100.0	-	293	100.0	-

Korposisi Umur/Jantina dari jadual 3.3 menggambarkan bahawa bilangan bukan pekerja-pekerja lelaki adalah tergolong dalam lingkungan umur diantara 21 hingga 30 tahun - iaitu 43 (72.8%) jumlah besar 59. Jumlah ini adalah kecil ketika dilihat dari jumlah penuh cabutan - iaitu 12.2%. Bagi pekerja-pekerja perempuan pula, bilangan yang terbesar adalah tergolong dalam lingkungan umur 16 hingga 25 tahun - iaitu 262 (89.4%). Bagi jumlah cabutan seluruhnya bilangan ini mewakili 74.4%.

### 3.3. Ras (Ethnicity)

Jadual 3.4 ; Ethnicity Penghijrah

Ethnicity	Frequency	Percentage	Cumulative %
Melayu	259	74	74
China	84	24	98
India	8	2	100
Lain-lain	1	0	100
	352	100 %	

Jadual 3.4 menunjukkan bahawa penghijrah Melayu merupakan bilangan yang terbesar iaitu 259 (74%) daripada 352 cabutan manakala pekerja-pekerja Cina 84 (24%), India 8 (2%) dan Lain-lain - 1 (0%).

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh dasar kerajaan yang monetapkan had pekerja Melayu sebanyak 30% dalam Dasar Industri Baru. Mungkin juga keadaan ini timbul disebabkan ramai pekerja-pekerja bukan Melayu telah sejia beracal dalam negeri Pulau Pinang. Dengan itu bilangan penghijrah yang dikaji akan menjadi berat kearah pekerja-pekerja Melayu, yang telah berpindah masuk ke-Pulau Pinang.

Jadual 3.5: Umur dan Ethnicity

Umur	Melayu	%	Cina	%	India	%	Lain2	%	Jum.
16 - 20	108	30.7	31	8.8	1	0.38	-	-	140
21 - 25	114	32.4	32	9.1	5	1.40	1	0.30	152
26 - 30	27	7.7	16	4.6	1	0.38	-	-	44
31 dan lebih	10	2.8	5	1.4	1	0.38	-	-	16

Jadual 3.5 ini menunjukkan keadaan dimana 222 (32.4 %) pekerja Melayu tergolong dalam lingkungan umur 16 - 25 tahun. Pekerja-pekerja Cina tergolong dalam lingkungan umur 16 hingga 30 tahun - 79 (22.5 %), India antara 21 hingga 25 tahun - 5 (1.4 %) manakala orang asing pula hanya seorang yang tergolong dalam lingkungan umur 21 - 25 %. Q8  
1

Secara ringkas dapat dirumuskan bahawa purata sebilangan besar pekerja tanpa mengira ras (ethnicity) adalah tergolong dalam lingkungan umur 16 - 25 tahun - iaitu 292 (83 %) manakala 336 (95.5 %) terdiri dibawah lingkungan umur 30 tahun. a

#### 3.4. Taraf Pencapaian Pelajaran dan Pekerjaan

335 (95 %) dari perkerja-perkerja yang ditomuduga didapati mempunyai taraf pencapaian pelajaran tidak lebih dari peringkat SPM/MCE - pecahan selanjutnya dapat dilihat dari jadual 3.6: ✓

Jadual 3.6: Taraf Pencapaian Pelajaran

Peringkat Pelajaran	Frequency	Peratus	Peratus Bertambah
Darjah 6	113	32	32
Tingkatan 3 (SRP/LCE)	110	31	63
Ting. 5 SPM/MCE	112	32	95
Ting. 6 STP/HSC	3	1	96
Diploma	7	2	98
Degree	6	2	100
Degree+Diploma	1	0	100
	352	100.0 %	

Implikasinya ialah bahawa pekerja-pekerja yang terdapat dikilang-kilang ini adalah rendah taraf pencapaian pelajarannya. Ini mungkin disebabkan oleh kehendak kilang-kilang ini kepada pekerja-pekerja yang tidak mahir. Bilangan yang terbesar - 113 (32 %) adalah dari mereka yang berkelulusan sehingga darjah 6 sekolah rendah sahaja, manakala bilangan yang berkelulusan STP/HSC keatas berjumlah hanya 17 orang (5 %).

Taraf Pekerjaan pekerja-pekerja ini juga boleh dikatikan dengan taraf pencapaian pelajaran.

Jadual 3.7 Taraf Pekerjaan Sekarang

Taraf Pekerjaan	Frequency	Peratus	Jum %
Managerial/ Pengurusan	5	1	1
Accountants	6	2	3
Supervisor	20	6	9
Clerk (Kerani)	15	4	13
Perkhidmatan & Guards	1	0	13
Pekerja (Prod. Operation)	287	82	95
Pekerja Am (General)	7	2	97
Technician	8	2	99
	352	100%	

Dari jadual diatas terdapat bahawa bilangan pekerja-pekerja Managerial Engineer, Technician dan Accountants adalah hanya 22 orang (6%). Jika diandaikan mereka ini berkelulusan STP/HSC kertas, maka yang bekinya 330 orang (94%) hanya berkelulusan SPM/MCE kebawah.

Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara taraf pencapaian pelajaran dengan taraf pekerjaan dikilang-kilang tersebut.

### 3.5. Taraf perkahwinan

Bilangan pekerja-pekerja yang telah berkahwin adalah tidak rancak, cuma 52 orang (15%) sahaja manakala 300 lagi pekerja (85%) adalah masih bujang. Dari golongan yang telah berkahwin ini, 43 (82,7%) berkahwin sejak tahun-tahun 1970 an.

### 3.6. Ringkasan (Summary)

Dari sifat-sifat penghijrah yang telah diberikan dapatlah dirumuskan bahawa dari segi jantina, bilangan pekerja perempuan adalah ramai sekali berbanding dengan pekerja-pekerja lelaki. Keriteria umur juga adalah penting dimana terdapat 96% dari pekerja-pekerja itu berumur dibawah lingkungan umur 30 tahun. Dari 352 pekerja yang ditemudugai, 259 (74%) adalah orang Melayu, 84 (24%)

adalah Cina manakala India dan orang-orang asing hanya 9 (2 %) sahaja. Dengan itu ethnicity juga merupakan sifat yang penting bagi penghijrah.

Taraf pencapaian pelajaran dan Pekerjaan juga adalah sifat yang penting bagi pekerja-pekerja itu dimana terdapat secara amnya taraf pencapaian pelajaran dibawah tingkatan lima (SPM/MCE) yang mewakili 95 % dari pekerja-pekerja tersebut. Ini adalah berkait dengan taraf pekerjaan yang rendah dengan pendapatan purata tidak lebih dari \$300/=. Taraf perkahwinan juga merupakan satu sifat yang penting bagi pekerja-pekerja ini kerana terdapat hanya 52 (15 %) yang sudah berkahwin sedangkan 300 (85 %) masih lagi bujang. Ini memberikan implikasi bahawa pekerja-pekerja yang masih bujang adalah diperlukan memandang kepada keadaan 'shift' dimana pada ketikanya pekerja-pekerja ini terpaksa berkerja diwaktu malam. Ini sudah tentu akan menimbulkan masalah jika ramai dari pekerja-pekerjanya telah berkahwin.

#### 4. Sifat-sifat sebelum Berhijrah.

Dalam bahagian ini akan dibincangkan tempat asal (origin) penghijrah, iaitu menganai negeri-negeri asal mereka; taraf pekerjaan, samada telah bekerja atau belum; pendapatan jilta telah bekerja; bilangan pergerakan (movement) sebelum masuk ke Pulau Pinang; samada telah ditawarkan pekerjaan terlebih dahulu dan samada telah pernah melewati ke Pulau Pinang sebelum mendapat pekerjaan disini.

##### 4.1. Tempat asal penghijrah.

Kesemua pekerja-pekerja, kecuali 3 orang\* yang ditemuduga adalah orang-orang yang berasal dari luar Pulau Pinang. Mereka telah datang dari merata-rata tempat di Semenanjung Malaysia dan luar. Kehanyakan penghijrah ini datang dari Perak (166 - 47 %) dan Kedah (177 - 33 %) menjadikan jumlahnya 283 atau 80 %. Cuma terdapat 2 orang pekerja yang datang dari negara asing - iaitu satu dari Singapura dan satu dari Cina: (Jadual 4.1).

Jadual 4.1 : Taburan Penghijrah mengikut Negeri Asal (Origin)

Negeri Asal	Freq.	%	Negeri Asal	Freq.	%
Johor	13	4	Perak	166	47
Kedah	117	33	Perlis	18	5
Kelantan	8	2	Selangor	11	3
Melaka	4	1	Terengganu	6	2
N. Sembilan	3	1	Singapore	1	-
Pahang	2	1	China	1	-


\* Kesilipan - termasuk pekerja dari Pulau Pinang.

##### 4.2. Taraf Pekerjaan sebelum berhijrah.

Daripada 352 cabutan itu, seramai 263 (75 %) belum lagi berkerja (unemployed) 31 kes (10 %) berkerja separuh masa (part time) dan 45 kes (14 %) berkerja tetap.

Sebahagian besar dari mereka yang telah berkerja itu 61 kes (78 %) menjelaskan perasaan tidak puas hati mereka dengan pendapatan rendah; keadaan pekerjaan yang tidak memuaskan; pekerjaan sementara dan banyak lagi sebab-

## G. Rajah 3 ALIRAN PENGHIJRAHAN KE PULAU PINANG 1977



sebab yang telah mendorongkan mereka untuk berpindah. Dengan itu kesudahannya mereka telah berpindah untuk berkerja di kilang-kilang ini.

Sebelum mendapat pekerjaan di Pulau Pinang, mereka juga telah membuat permohonan dimerata-rata tempat untuk mencari pekerjaan. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa (peluang pekerjaan) yang terdapat dikawasan pemindustrian Bayan Lepas merupakan satu faktor tarikan kepada mereka yang berhijrah.

#### 4.3. Bilangan Pergerakan.

Ramai antara penghijrah-penghijrah ini (300 atau 85.2 %) berpindah terus buat pertama kali dari kawasan asal ke Pulau Pinang untuk mendapatkan pekerjaan. Namun demikian, ada diantara mereka yang telah beberapa kali berpindah tempat samada mengikut keluarga, bersekolah atau berkerja sebelum datang ke Pulau Pinang. Ini dapat dilihat dari jadual 4.2.

Jadual 4.2: Jantina dan Bilangan Pergerakan (Sex & No of Moves)

Pergerakan	Lelaki	%	Pereempuan	%	Jumlah	%
0 Kali	1	0.3	2	0.6	3	0.9
1 Kali	41	11.6	259	73.6	300	85.2
2 Kali	11	3.1	26	7.4	37	10.5
3 Kali	3	0.9	2	0.6	5	1.4
4 Kali	1	0.3	3	0.9	4	1.1
5 Kali	2	0.6	1	0.3	3	0.9
	59	16.8	293	83.2	352	100 %

Jadual 4.3: Ethnicity dan Bilangan Pergerakan

Pergerakan	Melayu	Cina	India	%	India	%	Iain	%	Jum.	%
0 Kali	2	0.6	1	0.3	-	-	-	-	3	0.
1 Kali	232	65.9	61	17.3	7	19	-	-	300	85.
2 Kali	21	5.9	15	4.3	-	-	1	0.2	37	10.
3 Kali	-	-	4	1.1	1	0.3	-	-	5	1.
4 Kali	3	0.9	1	0.3	-	-	-	-	4	1.
5 Kali	1	0.3	2	0.6	-	-	-	-	3	0.
	259	73.6	84	23.9	8	22	1	0.3	352	100

\*I : adalah kategori sebab termasuk perkerja dari Pulau Pinang

Kedua-dua adalah 4.2 dan 4.3 diatas menunjukkan bahawa penghijrah dari kali yang pertama meliputi sebilangan besar perkerja-perkerja dari segi jantina dan Ethnicity.

Perpindahan buat pertama kali ini kebanyakannya berlaku selepas tahun 1970. Hanya 32 kes (9.1%) sahaja yang berpindah sebelum tahun 1970. Ini adalah bersesuaian dengan masanya kawasan perindustrian di Bayan Lepas mulai berkembang. Dengan ini sebahagian besar penghijrah kali pertama ini telah terdampu ke Pulau Pinang.

Ramai juga penghijrah-penghijrah ini yang mempunyai kawan dan saudara mara, telah pernah melawat Pulau Pinang sebelum mendapat pekerjaan. Seramai 283 orang 81% yang mempunyai saudara mara (120 - 34%); sahabat handai (72 - 21%) dan kedua-dua. Ini boleh dipadankan dengan bilangan mereka yang telah pernah membuat lawatan ke tempat ini - 204 - 58%.

#### 4. Rincian.

Sebagai kesimpulan dalam bahagian ini kita dapat bahawa sebilangan besar penghijrah-penghijrah ini berasal dari negeri-negeri Kedah dan Perak (283 - 80%) yakni negeri-negeri yang paling hampir dengan Pulau Pinang. Seramai 263 (75%) antara mereka masih lagi manggangor ketika berhijrah buat pertama kalinya. Ini disebabkan oleh taraf pelajaran yang rendah (bagi mereka yang berkelulusan durjah 6). Ramai juga antara mereka yang baru saja meninggalkan sekolah selepas menduduki peperiksaan SRP dan SPM. Dengan itu ramai juga yang telah berkali-kali membuat permohonan sebelum mendapat pekerjaan dikilang-kilang ini. Sama ada dari segi jantina maupun Ethnicity ramai antara penghijrah-penghijrah ini bergerak buat pertama kalinya dari negeri asal mereka. Terdapat 320 kes yang berpindah masuk ke Pulau Pinang ini dilakukan sejak tahun 1970 an. Satu lagi faktor yang telah memudahkan dan menjadi pendorong kepada penghijrah ini ialah saudara mara dan sahabat handai yang berada di Pulau Pinang, dan mereka juga pernah melawat serta menikmati keindahan Pulau ini. Secara tidak langsung, faktor-faktor ini telah menjadi satu penggerak atau pendorong kepada penghijrah selain dari faktor-faktor ekonomik.

5. Sebab-sebab Berhijrah.

Dalam bahagian ini kita akan mencari jawapan kepada soalan-soalan seperti "Apakah sebab-sebab ~~nya~~ atau apakah faktor-faktor yang mendorong pekerja-pekerja ini berpindah ke Pulau Pinang" iaitu faktor-faktor ekonomik (tarikan dan tolakan) dan Sosical.

Dari 352 kes, terdapat 279 (80 %) antara pekerja-pekerja itu yang tidak pernah memikirkan tentang perpindahan pada mula-mulanya. Hanya 71 kes (20 %) yang telah bercadang untuk berpindah. Ini memberi implikasi yang sebilangan besar pekerja-pekerja ini pada asasnya tidak merupakan penghijrah yang berpotensi.

Bila ditanyakan tentang umur ketika membuat keputusan berpindah, 236 (67 %) enggan menjawab, manakala 116 (33 %) menyatakan yang mereka mula berfikir untuk berhijrah ketika dilingkungan umur 10 tahun - 25 tahun tetapi bilangan yang terbesar sekali (69 - 59.5 %) dari 116 orang ini terletak dalam lingkungan umur antara 16 hingga 20 tahun. ✓

Walau bagaimanapun, bila disoal tentang tempat-tempat yang mereka ingin berhijrah, dari sejumlah 107 kes, 65 kes (61 %) memilih tempat-tempat dimana terdapat peluang pekerjaan; manakala 17 kes (16 %) terang-terang menyatakan yang mereka sanggup berpindah kemana-mana sahaja. Pada pendapat saya bilangan inilah yang sebenarnya merupakan 'potensi' bagi penghijrahan. ✓

Merujuk kepada penganalisaan yang dibuat, ternyata sekali bahawa dari 110 kes, 72 (65 %) menyatakan bahawa faktor utama yang telah mendorong mereka kepada perpindahan ialah - pekerjaan. Terdapat lain-lain yang memberi alasan seperti: tidak suka bekerja di tempat sendiri (2 kes), untuk mencari pengalaman (4 kes), untuk tujuan pelajaran (8 kes), melihat tempat-tempat baru 'holiday resort' (6 kes), mengikut saudara mara (4 kes) dan lain-lain. ✓

Berdasarkan kepada data yang menunjukkan bahawa 263 (75 %) dari penghijrah-penghijrah ini masih menganggor ketika berhijrah, saya berpendapat bahawa faktor utama yang mendorong mereka kearah penghijrahan ialah faktor ekonomi - iaitu untuk mencari pekerjaan yang secukup dengan kelulusan mereka. Kegagalan dari permohonan-permohonan mereka untuk mendapatkan pekerjaan di tempat lain dan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dikilang-kilang telah menjadi satu faktor 'tarikan'.

Pada pendapat saya, faktor 'tolakan' ditempat asal (origin) bukanlah satu faktor utama yang menyebabkan mereka berpindah. Ini telah dibuktikan oleh sikap mereka yang sering mengingati kampung halaman dan sering pulang

kekampung bila peluang diperolehi.

Dari 352 orang, 283 (80.4 %) memberi jawapan yang mereka seingat tentang kenangan kampung. Antara lain, 271 (77 %) merasa bahawa mereka lebih luang kasih sayang dari keluarga. Patut diingat bahawa 293 (83 %) adalah perenjak. <sup>Pasti</sup> ~~Tarik~~ kaum ini kasih sayang terhadap keluarga adalah satu sifat yang nyata.

Bila disoal tentang kepulangan kokampung, 187 (55 %) memberi jawapan 'selalu-selalu', 132 (39 %) - 'jarang-jarang' manakala 19 (6 %) sebaiknya yang '(tidak pernah)' pulang. Ini mungkin dicebabkan oleh perletakan kampung mereka yang jauh dari Pulau Pinang atau mungkin juga kerana mereka ini belum sahaja mulai bekerja. Kadar kepulangan kekampung adalah seperti berikut:

85 (26 %) - sebulan sekali, 76 (23 %) - pada hari-hari percutian dan kelepasan am, 55 (17 %) - dua kali dalam sebulan, 47 (14 %) - sekali dalam 3 bulan, 44 (13 %) - sekali dalam dua bulan, 12 (4 %) - sekali dalam 3 minggu.

Berdasarkan kepada tempat asal mereka yang jauh dari Pulau Pinang, lindun kepulangan kokampung ini memberi implikasi yang penghijrahannya adalah didorongkan oleh faktor-faktor 'tarikan' seperti terdapatnya peluang-peluang pekerjaan di-kilang-kilang, keindahan bandar dan juga faktor sosial seperti adanya saudara more dan sahabat handai.

Dengan itu dapat dirumuskan bahawa faktor 'tolakan' tidaklah memainkan peranan utama bagi sebilangan besar penghijrah yang diijah.